

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2025
MARKAH PENUH: 100 MARKAH

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata bantu salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata bantu digunakan sebagai kata berimbuhan, kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi**Kata Bantu****(i) telah;**

1. kata bantu yang menyatakan sesuatu perbuatan sudah berlaku atau sudah berlangsung

(ii) harus;

1. tidak boleh tidak, tidak dapat tidak, mesti, patut, wajib
2. boleh jadi, mungkin
3. tidak mustahil (berlaku, terjadi, dan sebagainya), mungkin
4. boleh dilakukan dan boleh pula ditinggalkan, jaiz, mubah

(iii) sedang;

1. tengah (ketika, masih) melakukan sesuatu lagi, masih
2. sementara, dalam pada itu, dalam waktu itu, ketika itu

(iv) akan;

1. kata bantu yang menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu sama ada masa lampau, masa kini, atau masa hadapan
2. untuk menyatakan sesuatu kemungkinan (hendak terjadi sesuatu)

(v) perlu;

1. keharusan (yang tidak dapat dielakkan), kemestian
2. menjadi kemestian (untuk mendapatkan sesuatu dan lain-lain), harus, terpaksa
3. harus ada (diperoleh), berguna, mustahak, penting,
4. akan (dengan) sangat menghendaki (akan), berhajat (akan)
5. sesuatu yang dikehendaki (dipentingkan), hajat, kepentingan
6. untuk, bagi, buat, guna

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Jenis Ayat

AYAT	JENIS AYAT	MARKAH
Jangan ambil buku itu.	Ayat larangan	2m 1m
Jemputlah datang ke rumah saya.	Ayat silaan	2m 1m
Tolong belikan saya sebungkus nasi lemak di kantin.	Ayat permintaan	2m 1m
Sila buka halaman 19 buku teks masing-masing.	Ayat silaan	2m 1m
Buang sampah-sampah itu sekarang.	Ayat suruhan	2m 1m
Tolong letakkan kotak-kotak itu di sini.	Ayat permintaan	2m 1m

(Calon menulis ayat dan jenis ayat: 1 markah)

(Calon hanya menulis ayat atau jenis ayat sahaja: 0 markah)

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

APA/ Apa/ apa

semua ubat-ubat

Makluman/ makluman

Mengenalpasti/ mengenalpasti

diambil oleh anda

berlabel

ditugaskan

berkaitan dengan

- APAKAH/ Apakah/ apakah

- semua ubat/ ubat-ubat/ ubat-ubatan

- ~~Makluman~~ maklumat /Maklumat

- Mengenal pasti/ mengenal pasti

- anda ambil

- berlabel

- bertugas

- berkaitan dengan [Maksimum: 6 markah]

berkaitan ubat

Bahan 2

penggiliran

~~dari~~ masa ke semasa

insentif

persekitaran

penyakit

di dalam

- penggiliran

- ~~dari~~ masa ke masa/ dari semasa ke semasa

- intensif

- persekitaran

- pesakit

- dalam

[Maksimum: 5 markah]

Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut turutan

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi <i>tidak</i> mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Setelah hari malam Kertala Sari pun masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai berlaga-laga. Kertala Sari kemudian membaca mantera/ jampi/ kata-kata hikmat lalu berjalan di tengah orang ramai lalu masuk ke dalam rumah Bendahara. Kemudian dia mencuri harta/ barangan yang bernilai/ mahal lalu dibawa bersama/ pulang.

Setelah hari siang Bendahara pun menghebohkan kecurian.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud

	JENIS AYAT	MARKAH
	masuk telinga kanan keluar telinga kiri	[1+1]
(i)	bagai mencurah air ke daun keladi/ seperti hujan jatuh ke pasir/ bagai air titik ke batu/ longgar sendat, lapang bertukul.	
	seekor kerbau membawa lumpur semuanya habis terpalit	[1+1]
	seekor kerbau berkubang, sekandang kena luluknya/ seekor kerbau membawa lumpur, segala kerbau dikatakan membawa	
(ii)	lumpur juga/ seekor kerbau membawa lumpur, habis mercik merata-rata/ seruas tebu yang berulat, sebatangnya dibuang/ kerana nila setitik, rosak susu sebelanga/ ikan seekor rosakkan ikan setajau/ ikan sekambu rosak oleh ikan seekor	
	nasi sudah menjadi bubur	[1+1]
(iii)	sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada gunanya/ apa boleh buat, sakit menimpa sesal terlambat	

[Maksimum: 4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian B: Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6: 12 markah

Soalan 7: 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8:

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks isi cukup ayat gramatis.	2
Jawapan tepat mengikut konteks isi cukup ayat tidak gramatis.	1
Jawapan kurang tepat isi tidak cukup.	
Jawapan salah.	0

ii. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup menyentuh semua bahan relevan dengan tugas/ ayat gramatis.	3
Isi cukup menyentuh semua bahan relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
Isi tidak cukup menyentuh semua bahan/ ayat gramatis.	
Isi tidak cukup tidak menyentuh semua bahan.	1
Jawapan salah.	0

iii. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) relevan dengan tugas/ ayat gramatis.	4
Isi cukup (3 isi) relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis.	3
Isi tidak cukup (2 isi) ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (2 isi) ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
Isi tidak cukup (1 isi) ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (1 isi) ayat <i>kurang</i> gramatis.	1
Jawapan salah.	0

Soalan 6 – Pemahaman

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, maksud rangkai kata *menonjolkan kebolehan* ialah...

- menampilkan/ menyerlahkan/ memperlihatkan/ menampakkan [2m]
kelayakan/ kecekapan/ keupayaan/ kemampuan *kelebihan/ keunggulan*
- menampilkan/ menyerlahkan/ memperlihatkan/ menampakkan [1m]
kecekapan
- menonjolkan kelayakan/ kecekapan/ keupayaan/ kemampuan *kelebihan/ keunggulan*

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, **usaha-usaha** semua pihak bagi memastikan kejayaan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ialah...

Semua pihak perlu

Bahan 1

- P1- memberikan sokongan dan kerjasama (agar kecemerlangan sukan [1m]
pendidikan khas dapat dimantapkan)
- P2- kemudahan sukan yang mesra OKU perlu disediakan (bagi menjamin [1m]
penyertaan aktif murid dalam bidang ini)

[Isi cukup: 1 isi]

Bahan 2

- P3- guru perlu mempersiapkan diri MBPK dengan pengetahuan dan [1m]
kemahiran hidup
- P4- guru Pendidikan Khas (juga) perlu meningkatkan kemahiran [1m]
komunikasi dan sosial MBPK

[Isi cukup: 1 isi]

[Maksimum: 3 markah]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

(iii) Pada pendapat saya, faktor-faktor pelbagai pihak sering meminggirkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ialah

- P1- masyarakat kurang pendedahan tentang keperluan dan potensi murid berkeperluan khas [1m]
- P2- ibu bapa dan ahli keluarga kurang memberikan galakan kepada anak-anak mereka untuk bergaul dengan murid berkeperluan khas [1m]
- P3- sesetengah masyarakat mempunyai tanggapan negatif/ bersikap prejudis terhadap MBPK sebagai beban [1m]
- P4- Kerajaan kurang menyediakan kemudahan mesra MBPK [1m]
- P5- sekolah kurang mengadakan program yang melibatkan MBPK [1m]
- P6- tidak semua guru/ pihak sekolah mempunyai latihan khas untuk menangani murid berkeperluan khas dengan baik. [1m]
- P7- media kurang memaparkan kisah kejayaan murid berkeperluan khas [1m]

(Faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Sebagai seorang rakan kepada MBPK, tindakan-tindakan saya lakukan untuk menggalakkan dia lebih berinteraksi dengan orang lain ialah

- P1- sentiasa memberikan sokongan/ dorongan/ motivasi/ pujian/ galakan kepadanya (MBPK) [1m]
- P2- menunjukkan sikap prihatin dan sabar dalam membantunya (MBPK) [1m]
- P3- menjadi rakan belajar dengan membantunya (MBPK) dalam memahami pelajaran [1m]
- P4- berbincang dengan guru ^{Kanisor} tentang cara terbaik untuk membantunya (MBPK) dalam kelas [1m]
- P5- mengajaknya (MBPK) untuk menyertai aktiviti kokurikulum seperti kelab/ sukan/ program sekolah/ aktiviti riadah [1m]
- P6- memberikan kesedaran kepada rakan-rakan lain supaya tidak meminggirkannya (MBPK) [1m]

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Sastera

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, panduan berbelanja yang telah diberitahu oleh Encik Yuxsel ialah...

- P1- jangan beli barangan daripada penjual di tepi jalan [1m]
P2- jangan berjalan sendirian [1m]
P3- jangan beritahu negara asal sekiranya ditanya oleh para pekedai [1m]
P4- jangan naik ke tingkat atas kedai sekiranya dipelawa [1m]
P5- tawar harga setiap barangan yang ingin dibeli sehingga 70 peratus [1m]
P6- jangan gunakan kad kredit sebab terlalu berisiko ditipu. [1m]

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, sikap peniaga yang digambarkan oleh penulis ialah...

Bahan 1

- P1- tiada tanda harga dipamerkan [1m]
P2- harga disebut hanya kepada sesiapa yang bertanya [1m]

Bahan 2

- P4- bersikap sentimental (Rangkap 1 - Pada gerainya duduk penjual sentimental) [1m]
P5- peniaga memperkatakan sesuatu mengikut hati (Rangkap 2 - Mereka memperdagangkan kata-kata, Yang terbit daripada kalbu) [1m]
P6- berhujah tanpa asas kukuh (Rangkap 3 - Mereka memperdagangkan hujah, Yang rapuh dan lapuk) [1m]
P7- berbicara menggunakan akal yang cetek (Rangkap 5 - Yang memperdagangkan akal cetek) [1m]

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

(iii) Pada pendapat saya, sebab masih ada segelintir peniaga suka mengambil kesempatan untuk menipu dalam proses jual beli kerana

- P1- tidak bertanggungjawab/ integriti/ amanah / *meningkatkan diri sendiri* [1m]
- P2- bersikap tamak/ ingin mendapat keuntungan *dengan cepat/ berlebihan* [1m]
- P3- tidak mementingkan kualiti *kekayaan* [1m]
- P4- kurang didikan agama/ moral [1m]
- P5- pelanggan kurang pengetahuan tentang barangan [1m]
- P6- tiada pemantauan daripada pihak berkuasa/ eksploitasi kelemahan sistem kawalan harga [1m]
- P7- permintaan yang tinggi terhadap sesuatu barangan [1m]
- P8- kos operasi yang tinggi / *keuntungan sedikit/ terpaksa membeli barang yang mahal* [1m]
- P9- pengaruh rakan peniaga yang lain [1m]

(Sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Langkah-langkah yang perlu saya lakukan untuk melariskan jualan produk cenderamata di kedai saya ialah

- P1- mempromosikan produk melalui pelbagai media *media massa* [1m]
- P2- menghadiri kursus/ latihan/ bengkel kepada peniaga kecil [1m]
- P3- meningkatkan kualiti *produk* yang dijual/ pembungkusan yang menarik [1m]
- P4- menjual produk secara langsung melalui pelbagai media [1m]
- P5- menggunakan pempengaruh untuk mempromosikan produk jualan mereka [1m]
- P6- menawarkan jualan barangan dengan harga yang berpatutan/ diskaun/ rebat/ cabutan bertuah [1m]
- P7- bekerjasama dengan syarikat besar/ pasar raya terkenal [1m]
- P8- menggunakan pelbagai kaedah pembayaran/ mesra pengguna/ pembayaran digital [1m]

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

p9 - meminta saudara / rakan membeli / menyokong produk cenderamata

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Soalan 8: Novel**Panduan pemarkahan bagi soalan novel****Soalan 8 (i)**

- (a) Jika calon menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat, berikan 0 markah.
- (b) Jika calon menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
- (c) Jika calon menulis isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat, periksa seperti biasa (rujuk deskripsi pemarkahan)

Jawapan soalan (i)

Bahan-bahan sedia ada atau bahan-bahan percuma yang dapat menjadi bahan kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan ialah

- P1- hampas kopi dijadikannya losen tangan [1m]
- P2- hampas teh untuk menyegarkan mata [1m]
- P3- ubi kayu bagi menghilangkan buasir [1m]
- P4- lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala [1m]
- P5- biji mangga dijadikan tepung untuk masakan [1m]
- P6- kulit mangga yang dikeringkan untuk membantu melancarkan pengaliran darah ketika datang haid [1m]

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan.

Panduan pemarkahan bagi soalan (ii)

- (a) Jawapan berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi peristiwa/ huraian/ contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi penyataa isi dan 1 markah huraian/ contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab, 0 markah.
- (i) Jika calon menulis nama novel dan pengarang sahaja berikan 0 markah.
- (j) Calon boleh memilih mana-mana dua buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum: 6 markah]

Jawapan soalan 8 (ii)

Peristiwa yang dapat membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca.

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Leftenan Adnan yang berani untuk mematahkan serangan tentera Jepun.	Leftenan Adnan berani dan tidak menyerah kalah walaupun pihak Jepun menyuruh beliau menyerah diri dan membedil kubu dari pelbagai arah. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani dalam melawan musuh.
	Peristiwa Adnan yang berani menyahut cabaran untuk berpidato dalam bahasa Inggeris.	Adnan berani menyampaikan pidato dalam bahasa Inggeris walaupun dia tidak mahir dan fasih dalam bahasa tersebut. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani menunjukkan kebolehan bertutur dalam bahasa asing walaupun sukar.
Tirani	Peristiwa Waheeda berani menempuh pelbagai dugaan dan masalah apabila suaminya, Zahid menceraikannya dengan talak satu akibat sifat cemburu butanya kepada Waheeda.	Selepas bercerai, Waheeda berani menggalas tanggungjawab untuk membesarkan anaknya, Izzati seorang diri. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat keberanian pembaca supaya menerima ujian yang mendatang dengan cekal dan berusaha untuk mengharunginya tanpa mengenal erti kecewa.
	Peristiwa Waheeda berani bertekad menceburi bidang pelancongan dengan membuka chalet di Cameron Highlands.	Walaupun tidak mempunyai pengalaman, Waheeda berani membuat pinjaman untuk membuka chalet di Cameron Highlands. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani mencuba perkara baharu.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Marilyn@Medina berani mendedahkan niat sebenar Karl kepada pihak berkuasa.	Marilyn@Medina berani membongkarkan rahsia Karl yang mengeksploitasi anaknya sendiri untuk kepentingan kajiannya di Soft Lab, iaitu mengaktifkan sistem Dinara. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca supaya berani mendedahkan kebenaran walaupun terpaksa menentang orang yang disayangi.
	Peristiwa Farisha berani menerima tawaran berisiko tinggi.	Farisha berani menerima tawaran sebanyak RM1.5 juta daripada syarikat Soft Lab untuk menjadi jururunding dalam projek Dinara. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian pembaca agar berani menerima cabaran untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran.
Bimasakti Menari	Peristiwa Nurul Hafsa berani menghadapi ancaman dan dugaan untuk melaksanakan cita-citanya, iaitu menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.	Nurul Hafsa berani menghadapi ancaman sehingga diculik oleh penjenayah yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat keberanian pembaca agar berani menghadapi cabaran dan tidak patah semangat.
	Peristiwa Nurul Hafsa berani membentangkan kertas kerja projek Kawasan Simpan Langit Gelap.	Walaupun kurang berpengalaman, Nurul Hafsa berani membentangkan kertas kerja projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar Selangor agar projek tersebut diluluskan. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani mengusulkan cadangan walaupun belum tentu diterima.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Danel berani menyelamatkan Lili yang diculik oleh Rafik dan Haziq.	Danel berani menyelamatkan Lili yang disembunyikan dalam pondok usang seorang diri pada waktu malam. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani menyelamatkan rakan yang berada dalam kesusahan.
	Peristiwa Lili berani menyelamatkan Che Jah yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.	Lili berani melaporkan masalah Che Jah kepada Puan Hamimah agar masalah keganasan rumah tangga Che Jah dapat diselesaikan. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani membantu mangsa yang ditindas.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Embong berani menyelamatkan dirinya daripada bahaya.	Embong berani bergelut membunuh ular sawa yang membelitnya di kebun sawit di kampung Parit Haji Rais. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca supaya berani mempertahankan diri dalam situasi berbahaya.
	Peristiwa Dahlia berani terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said.	Walaupun sudah lama tidak berenang, Dahlia berani terjun ke sungai yang deras untuk menyelamatkan Said yang hampir lemas. Peristiwa ini membangkitkan semangat keberanian kepada pembaca agar berani bertindak segera untuk menyelamatkan nyawa seseorang.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Pantai Kasih	Peristiwa Felicia Landosi berani mengakui kesilapannya kepada Doktor Raiha.	Felicia Landosi berani menceritakan kesilapannya kepada Doktor Raiha bahawa dia telah bersekongkol dengan Doktor Sadiz untuk membakar kereta Porshe Doktor Sadiz sehingga menyebabkan kematian Rohayu. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat keberanian pembaca agar berani berterus terang tentang kesilapan yang telah dilakukan.
	Peristiwa Doktor Raiha berani menegur kegagalan Doktor Uwang walaupun Doktor Uwang ialah doktor yang lebih pakar.	Doktor Raiha berani menegur Doktor Uwang yang gagal dalam pembedahan sendi pinggul Unong Siron sebanyak enam kali. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat keberanian pembaca supaya berani menegur perkara yang salah walaupun dilakukan orang yang lebih mahir.
Silir Daksina	Peristiwa Haiqal berani balik ke kampungnya seorang diri buat pertama kali.	Haiqal berani pulang ke kampung demi mencari kebenaran serta menjejak warisan ayahnya walaupun ditentang hebat oleh uminya. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat keberanian pembaca agar berani berusaha dengan bersungguh-sungguh walaupun dihalang oleh ahli keluarga.
	Peristiwa berani menghidupkan semula tarian zapin agar warisan ini kekal.	Haiqal berani menghidupkan semula tarian zapin dengan kerjasama penduduk kampung Seri Purnama agar seni tarian tersebut kekal sepanjang zaman. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat keberanian pembaca agar berani mempertahankan seni warisan bangsa.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Bahagian C: Rumusan*[30 markah]***Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

- Pendahuluan - 2 markah
Isi (8 isi) - 16 markah
Kesimpulan - 2 markah

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berganda/ berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus dan semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Pengiraan Isi

Bahagian Isi	Bilangan isi	Bilangan isi diterima (cadangan)							Markah maksimum
(i) Pendahuluan								2	
(ii) Fokus 1 (Kepentingan/Kebaikan/Faedah/Manfaat)								16	
Bahan 1	4	4	3	2	2	3	3		
Bahan 2	2	1	1	2	1	2	1		
(iii) Fokus 2 (Cabaran/Halangan/Kekangan)									
Bahan 1	3	2	3	2	3	1	2		
Bahan 2	2	1	1	2	1	2	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/ kesimpulan								2	
Jumlah markah								20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik:

Peringkat	Markah Bahasa	Kriteria
Cemerlang	8 – 10	- Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7	- Kesenambungan ayat baik. - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4	- Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 – 2	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika calon memperoleh markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika calon memperoleh markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- (v) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
- (vi) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1-	... membincangkan <i>kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat</i> penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan dan <i>halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ masalah-masalah</i> penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan	2
P2-	... membincangkan <i>kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat</i> penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan	1
P3-	... membincangkan <i>halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ masalah-masalah</i> penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan	1

Isi [16 markah]		
Fokus 1: Kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan: Bahan 1 (Petikan)		Markah
A1-	<u>mampu</u> membantu murid mempelajari sesuatu topik dengan mudah	
A2-	menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan	
A3-	<u>dapat</u> membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital	
A4-	<u>akan</u> mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif	

Fokus 1: Kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan: Bahan 3 (Pantun)		Markah
B1-	dapat mengasah kemahiran berfikir	2
B2-	menjadikan akses pendidikan lebih luas	2

B2 menyedarkan sumber tenaga manusia yang mahir dan terlatih

Fokus 2: Halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan: Bahan 1 (Petikan)		Markah
C1-	ketiadaan kemahiran asas berkaitan dengan teknologi digital	2
C2-	usaha untuk melengkapkan peralatan digital di setiap sekolah memerlukan modal yang besar	2
C3-	capaian Internet di sekolah tidak dinaik taraf	2

Fokus 2: Halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan: Bahan 2 (Grafik)		Markah
D1-	ketidaksamaan sosial yang berlaku antara bandar dan luar bandar	2
D2-	gangguan fokus pelajar akibat pengaruh media sosial dan permainan dalam talian	2

Kesimpulan [2 markah]		Markah
K1-	Kesimpulannya, penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan perlu diperkasakan agar/ supaya murid yang celik teknologi dapat dilahirkan	2
K2-	Kesimpulannya, penggunaan teknologi digital perlu diperkasakan agar/ supaya sistem pendidikan negara dapat ditingkatkan/ lebih berkualiti	2
K3-	Kesimpulannya, penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan perlu diperkasakan.	1
K4-	Kesimpulannya, penggunaan teknologi digital perlu diperkasakan. <i>Tiada faedah dalam sistem pendidikan</i>	0
K5-	Kesimpulannya, kerajaan perlu memperkasakan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan agar/supaya murid yang celik teknologi dapat dilahirkan.	0
K6-	Kesimpulannya, penggunaan teknologi moden diperlukan dalam sistem pendidikan negara.	0
(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)		

[Lihat halaman sebelah

Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, berikan 1 atau 0 markah.
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada **penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan** atau **penggunaan teknologi digital/ moden** sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT